

RANCANGAN PERNIAGAAN



اُنيۋېرسيٲى تېكۋولوگى مەمارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

RAKYATpreneur 2025

NAMA PERNIAGAAN:

AURA LESTARI LEGACY

BIDANG PERNIAGAAN:

PENJUALAN MINYAK WANGI BERJENAMA

CIENTAA PERFUME

NAMA PEMILIK:

NOR ANDRIANA BINTI BADRUL HISHAM

NO. KAD PENGENALAN:

910624-09-5056

ALAMAT OPERASI:

NO. 55, JALAN MAJU, TAMAN KEMAJUAN, 01000 KANGAR, PERLIS

TARIKH:

24 JANUARI 2026

1. MAKLUMAT PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	Aura Lestari Legacy
Jenis Perniagaan	Pemilikan Tunggal
Bidang Perniagaan	Penjualan Minyak Wangi Berjenama CIENTAA PERFUME
Alamat Operasi	No. 55, Jalan Maju, Taman Kemajuan, 01000 Kangar, Perlis
Tarikh Mula Operasi	17 November 2020
No. Pendaftaran (SSM)	202003335855 (PG0503191-P)
Nama Pemilik	Nor Andriana Binti Badrul Hisham

2. RINGKASAN PERNIAGAAN

Aura Lestari Legacy merupakan sebuah perniagaan yang mengeluarkan dan memasarkan minyak wangi berjenama Cientaa Perfume, yang telah beroperasi sejak tahun 2020. Perniagaan ini menawarkan lebih 90 jenis wangian lelaki dan perempuan bagi memenuhi pelbagai keperluan dan cita rasa pelanggan.

Bermula secara kecil-kecilan, Aura Lestari Legacy berkembang secara berperingkat hasil daripada permintaan pasaran terhadap minyak wangi yang berkualiti dan mampu milik. Fokus perniagaan adalah kepada penghasilan produk yang sesuai untuk kegunaan harian, dengan penekanan terhadap kualiti, harga berpatutan dan kepuasan pelanggan.

Selain pengeluaran produk, perniagaan ini turut menumpukan kepada pengukuhan jenama di pasaran tempatan melalui pemasaran dalam talian serta rangkaian ejen jualan. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pertumbuhan perniagaan yang stabil dan mampan.

Objektif utama Aura Lestari Legacy adalah untuk membangunkan Cientaa Perfume sebagai jenama minyak wangi yang berkualiti tinggi dan mampu milik, di samping meningkatkan kesedaran jenama serta jualan melalui strategi pemasaran yang berkesan.

3. PRODUK

Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Harga Jualan	RM 10.00 / botol
Harga Agent	RM 7.00 / botol



Kelebihan Produk:

- ✓ Mesra solat
- ✓ Mesra travel kerana size botol yang kecil (10ml) memudahkan penyimpanan di dalam handbag atau poket
- ✓ Harga mampu milik
- ✓ Mempunyai pelbagai pilihan wangian
- ✓ Wangian yang lembut dan tidak terlalu menusuk hidung
- ✓ Kualiti terjamin
- ✓ Tahan lebih daripada 8 jam
- ✓ Wangian masih melekat pada pakaian walaupun selepas dicuci

4. ANALISIS PASARAN

Sasaran Pelanggan	* Lelaki dan perempuan berumur 18–45 tahun * Individu yang mementingkan penampilan dan kebersihan diri * Pelajar, pekerja, usahawan serta individu aktif bersosial * Pengguna yang mencari minyak wangi berkualiti pada harga mampu milik * Sesuai untuk kegunaan harian, majlis khas dan sebagai hadiah * Pelanggan di seluruh Malaysia melalui jualan dalam talian dan rangkaian ejen
--------------------------	--

Tahap Permintaan Pasaran	* Permintaan minyak wangi adalah tinggi dan berterusan kerana merupakan produk kegunaan harian * Peningkatan permintaan terhadap produk berkualiti pada harga mampu milik * Pasaran yang luas merangkumi pelbagai peringkat umur dan jantina * Jualan dipacu oleh musim perayaan, pembelian hadiah serta platform dalam talian dan rangkaian ejen, dengan potensi pertumbuhan jangka panjang yang stabil
Pesaing Utama	* Minyak wangi jenama lain berharga RM10 yang menawarkan produk mampu milik seumpamanya * Jenama yang menggunakan influencer atau artis sebagai duta untuk meningkatkan pengiktirafan jenama
Kelebihan Kompetitif	* Minyak wangi berkualiti pada harga mampu milik tanpa bergantung kepada duta selebriti * Pelbagai pilihan wangian lelaki dan perempuan untuk memenuhi cita rasa pelanggan * Capaian pasaran luas melalui jualan atas talian dan rangkaian ejen dengan kos pemasaran rendah * Konsistensi kualiti dan fokus kepada kepuasan pelanggan bagi membina kesetiaan jenama * Harga kompetitif menyokong pertumbuhan perniagaan yang mampan

5. STRATEGI PEMASARAN

Aura Lestari Legacy melaksanakan strategi pemasaran dalam talian dengan memanfaatkan media sosial seperti Facebook, TikTok dan WhatsApp Status melalui penghasilan kandungan visual menarik serta promosi pakej bagi menarik pelanggan baharu. Perniagaan ini turut memperkukuh jualan melalui rangkaian ejen tempatan dengan sokongan bahan promosi dan ganjaran berdasarkan pencapaian jualan.

Selain itu, promosi memberi penekanan kepada kualiti wangian dan harga mampu milik, disokong oleh testimoni pelanggan bagi meningkatkan keyakinan pengguna. Pemasaran dilaksanakan secara kreatif dan konsisten dengan mengikuti trend semasa media sosial serta mengekalkan identiti jenama bagi meningkatkan kesedaran jenama di pasaran.

6. OPERASI PERNIAGAAN

Lokasi Operasi	Ruang Tamu Rumah
Waktu Operasi	2 petang – 6 petang / Setiap hari
Pembekal / Sumber Utama	Pembekal Minyak Wangi Ciantaa Perfume (Aura Empire)
Proses Operasi Ringkas	Proses Operasi: <pre> graph TD A[Senaraikan list wangian untuk tempahan] --> B[Hantar kepada pembekal] B --> C[Buat pembayaran] C --> D[Stock diterima dari pembekal] D --> E[Checking & Sorting] E --> F[Hantar kepada agent] </pre>

7. PENGURUSAN & TENAGA KERJA

Aura Lestari Legacy bertanggungjawab terhadap pengurusan penuh perniagaan, dibantu oleh ejen-ejen yang beroperasi dibawah pengawasan Aura Lestari Legacy.

8. KEWANGAN (ANGGARAN RINGKAS)

Kos Permulaan:	RM
- <i>Stock</i>	5,500.00
Jumlah Kos Permulaan (RM)	5,500.00
Anggaran Jualan Bulanan (RM)	7,210.00
Kos Operasi	512.00
Untung Kasar Bulanan (RM)	1,198.00

9. RISIKO & LANGKAH KAWALAN

Aura Lestari Legacy menghadapi risiko persaingan tinggi kerana terdapat jenama lain yang menawarkan harga lebih rendah atau menggunakan promosi melalui influencer untuk menarik pelanggan. Bagi mengatasi risiko ini, Aura Lestari Legacy menekankan kualiti produk yang tinggi, harga yang mampu milik, serta kepelbagaian pilihan wangian. Selain itu, pemasaran melalui ejen dan media sosial diperkuatkan untuk memastikan pelanggan kekal setia.

Selain itu, terdapat juga risiko masalah bekalan stock. Kelewatan bekalan stok boleh menjejaskan kelancaran pengeluaran dan penjualan. Untuk mengurangkan risiko ini, Aura Lestari Legacy menjalin hubungan yang baik dengan pembekal dan memastikan stok minimum sentiasa tersedia bagi mengelakkan kekurangan produk.

Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan pelanggan merasa tidak puas dengan bau, ketahanan, atau pembungkusan produk. Oleh itu, Aura Lestari Legacy menyediakan sistem maklum balas pelanggan, memeriksa kualiti setiap batch sebelum dijual, dan menambah baik produk berdasarkan komen serta cadangan pelanggan.

10 PENUTUP

Keseluruhannya, Aura Lestari Legacy dengan jenama Ciantaa Perfume mempunyai potensi besar untuk menjadi jenama minyak wangi tempatan yang dipercayai dan digemari ramai. Dengan fokus kepada kualiti produk, harga mampu milik, strategi pemasaran yang tersusun, dan komitmen terhadap kepuasan pelanggan, perniagaan ini bersedia menghadapi persaingan sambil berkembang secara mampan. Dengan sokongan daripada Bank Rakyat, Aura Lestari Legacy yakin dapat memperkukuhkan operasi, memperluaskan kehadiran di pasaran tempatan, dan membina jenama yang kukuh sekali gus menjadi pilihan utama pencinta wangian di Malaysia.